

Mendidik Anak, Tanggungjawab Bersama: SD Guthrie Memperkasa Sekolah di Sekitar Operasi

Bagi pelajar di sekolah-sekolah yang terletak dalam komuniti ladang, pendidikan dibentuk bukan sekadar melalui buku teks dan jadual waktu tetapi juga keadaan bilik darjah, peralatan yang tersedia untuk para guru, dan sama ada ruang pembelajaran selamat, memberi inspirasi, serta mampu memberi persediaan menghadapi masa depan.

Di sinilah Program Sekolah Angkat MADANI, satu inisiatif yang diperkenalkan oleh pihak Kerajaan memainkan peranan dengan menyatukan pihak sekolah, agensi kerajaan serta syarikat korporat dalam usaha mempertingkatkan persekitaran pembelajaran serta merapatkan jurang pendidikan, terutamanya di kalangan masyarakat yang memerlukan bantuan.

Bagi SD Guthrie Berhad, penyertaan dalam program tersebut bukan sekadar memenuhi keperluan. Malah, ia merupakan inisiatif untuk memperkasa masyarakat di sekeliling operasinya. Melalui inisiatif Sekolah Angkat MADANI, Guthrie menyokong 3,699 pelajar dan 385 guru di 15 sekolah rendah dan menengah yang terletak dalam mahupun berhampiran operasi perladangannya melalui pendekatan holistik yang melangkaui keputusan akademik.

Beberapa perubahan ketara dalam bilik darjah telah dibawa oleh syarikat tersebut bagi membantu pembelajaran. Ini termasuklah papan pintar, komputer riba, peralatan ICT, serta sumber literasi dan STEM yang membantu memodenkan proses pendidikan serta membuka pintu kepada pembelajaran digital. Sebagai contohnya, di SJKT Pulau Carey Timur, Selangor, Program *Genius Readers* telah mengubah cara pelajar berinteraksi dengan buku. Melalui pembacaan harian yang mudah, dan konsisten, serta dilakukan secara berpandu atau bebas, para pelajar membina keyakinan, kefasihan, dan minat membaca secara mendalam, sekaligus membina asas untuk mencapai prestasi akademik yang lebih baik.

Sokongan yang diberikan juga tidak terhad kepada penyediaan bahan pembelajaran sahaja. Guthrie turut memberi tumpuan kepada perkara-perkara asas yang memberi impak besar kepada pembelajaran walaupun seringkali dilupakan. Ini termasuklah penukaran pendawaian elektrik, pembaikan pagar, serta penyediaan saliran yang lebih baik, dan pengudaraan yang dipertingkatkan untuk membantu mewujudkan persekitaran sekolah yang lebih selamat, selesa, dan kondusif. Di luar bilik darjah pula, kemudahan sukan seperti padang kriket dan gelanggang bola keranjang, dinaikkan taraf bagi memberi ruang kepada pelajar untuk berkembang secara fizikal dan membina keyakinan diri serta kerjasama secara berpasukan.

Komitmen dan penglibatan berterusan Guthrie dalam menjayakan inisiatif ini juga membezakan usaha syarikat tersebut dengan yang lain. Pada tahun 2025, seramai tiga belas anggota pengurusan kanan syarikat tersebut telah membuat lawatan secara peribadi ke sekolah-sekolah angkat Guthrie di sembilan buah negeri di seluruh Malaysia sambil meluangkan masa bersama guru, pelajar, dan pentadbir sekolah untuk memahami dan mengenalpasti keperluan sekolah yang perlu disediakan. Sesi lawatan tersebut membawa mesej yang mudah:

kerjasama Guthrie dengan pihak sekolah i bukanlah sekadar satu transaksi – tetapi hubungan peribadi yang wajar dipereratkan.

Shahrizan Aini Shamsul Khalil, Ketua Pegawai Sumber Manusia Guthrie, percaya pendidikan adalah salah satu pemacu yang amat penting dalam usaha mobiliti sosial.

“Pendidikan boleh mengubah kehidupan,” katanya. “Guthrie sentiasa memberi tumpuan kepada pendekatan yang holistik. Dengan memperkasakan sekolah dan masyarakat di sekeliling operasi Guthrie, kami mahu sumbangan kami membawa perubahan yang bermakna – bukan sahaja untuk hari ini, tetapi untuk jangka masa yang lebih panjang.”

Secara amnya, inisiatif ini memperlihatkan peri pentingnya nilai kerjasama antara pihak awam dan swasta dalam memajukan matlamat pendidikan negara. Dengan melengkapi usaha kerajaan melalui pemberian sokongan secara terus dan tersasar, Guthrie membantu merapatkan jurang sumber, memperkenalkan alat pembelajaran moden dan melengkapi para pelajar dengan kemahiran yang berguna untuk masa hadapan.

Dengan meneruskan program ini, Guthrie kekal komited untuk menjalinkan hubungan rapat dengan sekolah-sekolah angkatnya, sekaligus memenuhi keperluan yang sentiasa berubah dan memastikan pendidikan menjadi teras pelaburan masyarakat. Ini kerana, apabila pembangunan pendidikan dikongsi bersama, impak positif berpanjangan akan dapat dicapai, melangkaui kecemerlangan dalam bilik darjah.

Senarai Sekolah Angkat Madani yang disokong oleh SD Guthrie sepanjang tahun 2025

No	Sekolah-Sekolah	Tarikh Lawatan	Peningkatan Pembelajaran & Kemudahan
1	SK Desa Lavang, Sarawak	15-16 Julai 2025	• Papan pintar • Penutup saliran • Perabot untuk bilik darjah prasekolah, makmal komputer dan perpustakaan (meja, kerusi dan loker keluli)
2	SK Sri Simalajau, Sarawak	15-16 Julai 2025	• Kabinet fail terbuka, loker keluli, bangku makmal logam, kerusi makmal plastik, bangku makmal logam, bidai • Peralatan ICT: Komputer riba, projektor LCD mudah alih, skrin tripod, alat pencetak

3	SK Ladang Dublin, Kedah	2-3 Ogos 2025	- Papan pintar - Bahan Pendidikan LEGO & <i>World Robot Olympiad Brick</i>
4	SK Seri Pinang, Kedah	12 Ogos 2025	- Papan pintar - Membaiki pagar sekolah - Membina padang kriket
5	SMK Jeram, Selangor	19 Ogos 2025	Papan pintar
6	SK Jubli Intan, Johor	21 Ogos 2025	Papan pintar
7	SJK (T) Ladang Mentakab, Pahang	3 Sept 2025	Kemudahan kantin (kerusi dan meja)
8	SK Ladang Sapong, Sabah	8-9 Sept 2025	Komputer riba
9	SMK Pulau Carey, Selangor	6 Okt 2025	- Papan pintar - Pembinaan kiosk bank makanan
10	SMK Setia Wangsa, Kuala Lumpur	8 Okt 2025	- Papan pintar - Perpusatakaan – Meja, kerusi - Penghawa dingin
11	SK Kemendor, Melaka	28 Okt 2025	Peralatan AV dewan sekolah (system PA, projektor dan skrin)
12	SK Abaka, Sabah	30-31 Oct 2025	- Pendawaian semula elektrik bangunan sekolah utama - Naif taraf bangunan bilik mesyuarat Lembaga Pengagihan
13	SJK (T) Pulau Carey Timur, Selangor	7 Nov 2025	- Papan pintar - Projektor, komputer riba, bar bunyi, alat dengar VE, panel sentuh magnetic - Program <i>Genius Readers</i> (GRP): Kit membaca berbilang bahasa, alat literasi & buku
14	SJK (C) Ladang Siliau, Negeri Sembilan	20 Nov 2025	- Papan pintar - Kipas, lampu dan peralatan pengudaraan
15	SMK Seri Bali, Johor	8 Dis 2025	Papan pintar